

05/09/1998

Spekulator bertindak melampau

KUALA LUMPUR, Jumaat - Serangan terbaru ke atas dolar Hong Kong dan pasaran sahamnya adalah bukti jelas kedurjanaan spekulator mata wang seperti yang sudah dilaungkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selama ini.

Pengerusi Majlis Hal Ehwal Antarabangsa, Pergerakan Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Hussein, berkata mereka bertindak melampau tanpa belas kasihan dan kerajaan Malaysia mempunyai sebab kukuh untuk mengetahui tindakan yang cuba dilakukan oleh spekulator itu.

Beliau berkata demikian dalam satu kenyataannya mengulas laporan akhbar Asian Wall Street Journal (AWSJ) bertajuk 'Kesilapan Hong Kong (Hong Kong Blunder) yang mengkritik Pihak Berkuasa Kewangan Hong Kong (HKMA)' berhubung campur tangan HKMA membeli sahamnya.

Laporan itu turut membuat ulasan mengenai sidang akhbar yang dibuat oleh Setiausaha Kewangan Hong Kong, Donald Tsang yang dianggap sama seperti apa yang dilakukan oleh Perdana Menteri Malaysia.

Pada sidang akhbar itu, Donald Tsang menyalahkan spekulator berhubung penyebaran khabar angin mengenai kadar dolar wang Hong Kong dan penyalahgunaan kuasa dalam pasaran terbuka.

Menurutnya, selagi spekulator melihat ruang untuk dimusnahkan, semua negara adalah sama tidak kira ia adalah ekonomi yang bermasalah seperti Russia atau penyanjung utama kepada kuasa pasaran ekonomi bebas seperti Hong Kong.

Berikutan itu, sejak dua minggu lalu kadar pertukaran kedua-dua negara sudah diserang tanpa henti tetapi dengan alasan yang berbeza.

Beliau yang juga Timbalan Menteri Perusahaan Utama turut mempersoalkan apakah kewajaran sesebuah negara membuat campur tangan dalam mata wang sedangkan campur tangan yang sama dalam pasaran saham dianggap oleh AWSJ sebagai kesilapan kerajaan.

"Sudah pasti, kedua-dua tindakan berkenaan adalah perakuan bahawa pasaran perlukan bimbingan sekali-sekala, pasaran tidak seharusnya dibiarkan mempunyai kebebasan yang tidak terHINGGA," katanya.

Katanya, serangan ke atas Hong Kong dan Russia memberikan satu petunjuk baru iaitu keupayaan sesebuah negara untuk mencipta suatu dasar kewangan untuk menjaga kepentingannya, boleh dalam banyak keadaan merenggut apa yang dikatakan oleh AWSJ sebagai 'kuasa pasaran bebas'.

(END)